

Usim tak naik yuran pengajian

Praktik perbelanjaan berhemah tangani beban kewangan

■ SYAMILAH ZULKIFLI

NILAI – Pengurangan peruntukan kewangan yang diterima oleh Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) pada pembentangan bajet baru-baru ini tidak akan memberi impak kepada kenaikan kadar yuran universiti itu pada tahun hadapan.

Naib Canselor Usim, Profesor Datuk Musa Ahmad berkata, Usim mengambil beberapa pendekatan strategik dalam mendepani cabaran kewangan yang dihadapi.

"Ibu bapa dan masyarakat tidak perlu bimbang mengenai perkara itu kerana kita melihat

tiada keperluan untuk naikan kadar yuran pada masa kini.

"Antara fokus strategik yang akan diambil adalah melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan perbelanjaan berhemah dapat dipraktikkan dalam kalangan warga Usim antaranya dalam penjimatan pengurusan kos utiliti dan penyelenggaraan mahupun kerosakan aset universiti," katanya.

Menurutnya, sejak 2013, pihaknya mengambil pendekatan menggalakkan penjanaan kewangan di setiap fakulti dan pusat tanggungjawab melalui penubuhan Tabung Enterprise.



Beliau berkata, langkah itu secara tidak langsung dapat membantu setiap jabatan mengurus perbelanjaan mereka dan mengurangkan ketergantungan kepada peruntukan kewangan daripada

“**Antara fokus strategik yang akan diambil ialah melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan perbelanjaan berhemah dapat dipraktikkan dalam kalangan warga Usim antaranya dalam penjimatan pengurusan kos utiliti dan penyelenggaraan atau kerosakan aset universiti.**” - Musa

universiti.

“Selain itu Usim akan terus memperkasakan syarikat induk kita iaitu Usim Tjjarah Holdings Sdn Bhd.

“Lapangan perniagaan baru yang menguntungkan akan giat diterokai selepas ini untuk memastikan syarikat terus berdaya saing dalam menghadapi cabaran ekono-

mi semasa.

“Kita juga akan terus meningkatkan pengambilan pelajar baru pada tahun hadapan dan kita percaya program akademik yang ditawarkan di Usim juga dapat menarik dan meningkatkan jumlah pelajar antarabangsa,” katanya.

Musa berkata, penawaran program pendidikan secara

online atau 'blended learning' di bawah platform Pusat Akses Pembelajaran Terbuka Global (GOAL Centre) juga akan lebih diperkasa di peringkat serantau dan global.

Selain itu katanya, bag memastikan kelestarian kewangan universiti terus diper-teguhkan, Usim akan terus melaksana projek berasaskan wakaf dan pembiayaan.

“Kita juga telah menggerakkan wakaf tunai untuk memastikan Usim mampu menampung keperluan kewangan universiti dan berupaya berkembang dari sumber janaan yang telah dirancang,” katanya.